e-ISSN: 2600-9617

Available online at
https://journal.uitm.edu.my/ojs/index.php/e-JITU/index

E-Journal of Islamic Thought & Understanding 9 (2) 2026, 42-53

E-Journal of Islamic Thought & Understanding (E-JITU)

Peranan Sifat *al-Haya'* Terhadap Pembentukan Peribadi Muslim Era Digital

Norafifah binti Ab Hamid[1], Nor Azlina binti Abd Wahab[2], Siti Nurul Izza binti Hashim[3], Mohd Sobri bin Ellias,[4]

[123]*Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Cawangan Melaka*

[4]*Faculty of Quranic and Sunnah, Islamic Science University of Malaysia*

*Corresponding Author: norafifah@uitm.edu.my

ARTICLE INFO

Article history:
Received 2026-07-09
Revised 2026-08-10
Accepted 2026-09-07
Published 2026-10-19

Keywords:
Al-Haya'
Modesty
Muslim Character
Digital Era
Social Media

DOI:
https://doi.org/10.24191/25nxd640

ABSTRACT

The sophistication of the current digital era opens up various avenues and opportunities for Muslims to progress. However, it inadvertently poses a significant challenge through the agenda of openness, which has led to the erosion of modesty among users. *Al-Haya'* (modesty), which should inherently adorn the character of a Muslim, is increasingly compromised due to unregulated openness and freedom of expression on social media. This is evidenced by the daily rise in unethical content, an excessive tendency toward oversharing, and the normalization of behaviors that contradict Islamic values. In this context, *al-ḥayā'* as outlined in the Islamic tradition plays a pivotal role as a fortress of faith in shaping the Muslim persona. Therefore, this study aims to examine the concept of *al-ḥayā'* and its role in shaping Muslim character in the digital era. Employing a qualitative approach, this study utilized documentation for data collection and content analysis for data interpretation, focusing on contemporary digital era cases alongside Hadith texts relevant to Muslim character development. The findings reveal four primary roles of *al-haya'* in shaping the Muslim persona: first, as the foundation of faith; second, as a protector of morality; third, as a regulator of communication; and fourth, as a spiritual catalyst. Consequently, it is evident that *al-haya'* must be nurtured within every Muslim individual, as it plays a crucial role in shaping the character of digital users, thereby contributing to social well-being in Malaysia.

*Corresponding author. *E-mail address* : norafifah@uitm.edu.my

https://doi.org/10.24191/25nxd640

©Authors, 2026

Keywords: *Al-Haya'*, Modesty, Muslim Character, Digital Era, Social Media.

ABSTRAK

Kecanggihan era digital kini membuka pelbagai ruang dan peluang untuk umat Islam maju kehadapan. Namun tanpa disedari ia turut menjadi cabaran kepada umat Islam dengan agenda keterbukaan sehingga terhakisnya sifat malu dalam kalangan pengguna. Sifat *al-haya'* yang sewajarnya menghiasi peribadi seorang muslim kini dilihat semakin terhakis akibat keterbukaan dan kebebasan ekspresi tanpa kawalan di media sosial. Saban hari berlaku peningkatan kandungan yang tidak beretika, kecenderungan pendedahan peribadi secara berlebihan, serta normalisasi perilaku yang bertentangan dengan nilai Islam. Dalam konteks ini, sifat *al-ḥayā'* (malu) yang digariskan dalam tradisi Islam memainkan peranan penting sebagai benteng keimanan dalam membentuk keperibadian Muslim. Justeru kajian ini bertujuan untuk meneliti konsep sifat *al-ḥayā'* dan peranannya terhadap pembentukan peribadi Muslim era digital. Kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan metode pengumpulan data secara dokumentasi dan metode analisis data berdasarkan analisis kandungan *(content analysis)* terhadap kes-kes yang berlaku di era digital dan teks-teks al-Hadith berkaitan pembentukan peribadi Muslim. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat empat peranan utama sifat *al-haya'* terhadap pembentukan peribadi Muslim iaitu pertama sifat *al-haya'* sebagai asas keimanan, kedua sebagai pelindung akhlak, ketiga sebagai pengawal komunikasi dan keempat sebagai pemangkin kerohanian. Daripada itu jelas bahawa sifat *al-haya'* perlu disemai dalam diri setiap individu Muslim kerana ia berperanan penting dalam membentuk keperibadian pengguna digital sekaligus menyumbang kepada kesejahteraan sosial di Malaysia.

Kata Kunci: Sifat *al-haya'*, Peribadi Muslim, Era Digital

1. PENDAHULUAN

Ajaran Islam telah menggariskan *al-haya'* sebagai salah satu sifat yang penting dan ia merupakan salah satu dari cabang keimanan. Bahkan ia turut dititik beratkan dalam budaya masyarakat timur. Namun, perkembangan teknologi di era digital telah memberi cabaran besar terhadap kelangsungan sifat dan nilai ini. Kehidupan di era digital yang bersifat terbuka, segera dan tanpa sempadan telah menyumbang kepada keterhakisan sifat malu, terutama dalam kalangan generasi muda kini (Nor Syariza Muhamad Tahir, 2026). Hal ini jelas dapat disaksikan menerusi ragam pengguna media sosial yang memuat naik gambar, video atau luahan peribadi secara berlebihan tanpa mempertimbangkan batas aurat, adab atau maruah diri. Tidak kurangnya dengan kandungan tidak bermoral seperti tarian tidak sopan, bahasa kasar, dan jenaka berunsur lucah yang menjadi trend dan tular, tanpa rasa malu atau bersalah. Golongan pengguna sebegini cuba menormalisasikan kandungan tidak bermoral tanpa segan dan silu. Tambahan konsep "self-validation" melalui likes dan komen mendorong pengguna mengejar populariti berbanding menjaga kehormatan (Mohd Khairul Naim Che Nordin, 2020). Walhal dalam konteks ajaran Islam malu berkait rapat dengan keimanan

©Authors, 2026

seseorang. Ia berkait tentang kesedaran bahawa Allah SWT sentiasa memerhati. Justeru kajian ini bertujuan untuk meneliti konsep sifat *al-ḥayā'* dan peranannya terhadap pembentukan peribadi Muslim era digital.

2. SOROTAN LITERATUR

Lazimnya terdapat tiga cara utama dalam penulisan sorotan literatur iaitu pertama berdasarkan kronologi, kedua berdasarkan tema dan ketiga berdasarkan metodologi. Justeru dalam artikel ini pengkaji memilih cara yang kedua iaitu berdasarkan tema dengan merujuk kepada dua tema utama iaitu kajian tentang sifat malu dan kedua kajian tentang media sosial.

2.1 Kajian tentang sifat *al-haya'*

Sifat *Al-haya'* diambil daripada perkataan arab yang bermaksud malu. Malu adalah satu kata yang mencakup perbuatan menjauhi segala apa yang dibenci. Menurut Ibn Qayyim malu berasal dari kata *hayaah* (hidup), dan ada yang berpendapat bahawa malu berasal dari kata *al-hayaa* (hujan), tetapi makna ini tidak masyhur. Hidup dan matinya hati seseorang sangat mempengaruhi sifat malu orang tersebut. Begitu pula dengan hilangnya rasa malu, dipengaruhi oleh kadar kematian hati dan ruh seseorang. Sehingga setiap kali hati hidup, pada saat itu pula rasa malu menjadi sempurna (Siti Solehah Azhar & Suriani Sudi, 2018).

Seterusnya malu menurut bahasa iaitu rasa menahan, menyendiri, berubah dan mengalah yang dirasai oleh seseorang lantaran bimbangkan perkara yang boleh mengaibkannya. Manakala malu menurut istilah merupakan sifat dan akhlak yang tersemat didalam jiwa. Ia membangkitkan seseorang untuk menjauhi perkara yang buruk dan menghalangnya daripada cuai menunaikan hak mereka yang berhak (Siti Solehah Azhar & Suriani Sudi, 2018).

Sifat *al-haya'* merupakan akhlak terpuji yang ada dalam diri setiap individu. Bagi orang Melayu, sifat malu bukan sekadar emosi tetapi mempunyai pengertian yang lebih luas sehingga dapat membentuk satu konsep. Konsep ini dikenali sebagai konsep malu orang Melayu yang merangkumi pegangan hidup, tingkah laku, kepercayaan dan peraturan yang dipatuhi oleh masyarakatnya. Konsep malu yang berasaskan Al-Quran dan Hadis dapat dijadikan asas pegangan hidup dan penanda jati diri orang Melayu (Norazlina Hj. Mohd Kiram & Nik Farhan Mustapha, 2013).

Pada masa yang sama sifat *al-haya'* boleh membawa dua makna iaitu sama ada baik (positif) atau pun buruk (negatif). Sisi negatif sifat malu sering dianggap sebagai antara faktor penyebab masyarakat khususnya Melayu bersikap pasif, pendiam, rendah diri, tidak asertif dan tiada keberanian diri. Manakala sifat malu yang baik (positif) adalah berkaitan dengan tingkah laku yang bersopan sehinggalah membawa kepada memelihara martabat kemanusiaan dan kehormatan bangsa. Penzahiran sifat malu dalam jiwa dan tindakan dalam pandangan alam Melayu berkait rapat dan bersepadu dengan konsep-konsep penting yang terpancar dalam kata kunci akal, ilmu, hati (qalb), agama, adab, bahasa dan jahat. Selain itu sifat malu dalam masyarakat Melayu turut mempunyai kedudukan sebagai mekanisme pembendung diri daripada melakukan tingkah laku yang tidak baik, sebagai kesantunan dan lambang kehidupan bermoral serta sebagai maruah dan kehormatan diri dan bangsa (Zarina Muhammad, Akmaliza Abdullah & Ratna Roshida Ab Razak, 2019) .

©Authors, 2025

Hakikatnya sifat malu atau *al-haya'* merupakan sifat yang dapat menjauhkan manusia daripada perbuatan rendah akhlak dan mencegahnya dari keruntuhan moral dan bergelumang dengan dosa. Sebagaimana *al-haya'* juga merupakan faktor pendorong yang utama pada perbuatan mulia. Kerana itulah apabila *al-haya'* itu hilang, pelbagai gejala yang tidak sihat timbul antaranya tidak menjaga aurat, suka mendedahkan diri di *facebook*, mendedahkan kisah peribadi di laman-laman sosial yang akhirnya membawa kepada kes rogol, liwat, masalah seksual dan sebagainya. Ini adalah berpunca daripada hilangnya perasaan *al-haya'* dalam diri (Siti Solehah Azhar & Suriani Sudi, 2018).

Kefahaman tentang konsep *al-haya'* perlu dirungkai kerana ia merupakan faktor utama kepada perubahan diri seseorang. Sunnah sangat menekankan berkaitan *al-haya'*. Sunnah mengaitkan al-haya' sebagai sifat yang mendatangkan kebaikan, *al-haya'* menghalang dari melakukan dosa, *al-haya'* sebahagian dari iman dan *al-haya'* merupakan sifat para nabi. *al-haya'* mempunyai peranan yang besar dalam kehidupan seorang muslim. Ia berperanan dalam membentuk peribadi dan syaksiah seseorang. Maka sifat *al-haya'* harus ditingkatkan sehingga ia dapat membentuk kehidupan yang sejahtera (Siti Solehah Azhar & Suriani Sudi, 2018).

Realitinya, masalah sosial yang berlaku seperti pergaulan bebas, pornografi dan zina menunjukkan bahawa sifat malu dalam diri remaja telah hilang. Sedangkan sifat malu atau *al-Haya'* merupakan satu daripada akhlak yang dimiliki oleh Rasulullah ﷺ dan para sahabat serta merupakan sifat positif yang perlu ada dalam diri setiap manusia. Sifat ini mampu menghindari manusia daripada melakukan maksiat dan dosa disebabkan oleh rasa takut dan gerun kepada Allah SWT yang Maha Melihat dan Maha Mengetahui. Sehubungan itu penerapan sifat *al-Haya'* dalam diri remaja Generasi Z adalah sangat relevan bagi memantapkan akhlak mereka kerana sifat ini dapat menjaga batas pergaulan antara lelaki dan perempuan, membentuk tingkah laku yang baik dan mulia, memelihara penampilan sekaligus menjauhkan mereka dari terjebak dengan masalah sosial (Nur Anis Hanani Mohd Talib, Latifah Abdul Majid & Nurliyana Mohd Talib, 2019).

2.2 Kajian tentang pembentukan peribadi Muslim

Al-Qur'an dan Sunnah menjadi panduan utama dalam membentuk keperibadian Muslim kerana ia menggariskan prinsip etika, dan nilai spiritual yang menyeluruh. Nilai-nilai al-Qur'an berkait rapat dengan pembentukan akhlak dan identiti Muslim yang berdaya saing dalam masyarakat moden (Abdullah, 2019). Selain itu sekolah dan universiti memainkan peranan penting dalam memupuk nilai-nilai akhlak, disiplin, dan tanggungjawab sosial. Begitu juga dengan pendidikan yang berteraskan tauhid, ia dapat membantu melahirkan insan seimbang dari aspek rohani dan jasmani (Ibrahim & Ab Rahman, 2020)

Lebih penting perlu difahami bahawa keluarga merupakan institusi pertama yang membentuk keperibadian Muslim, terutama dalam menanamkan adab, akhlak, dan amalan ibadah harian. Sokongan keluarga yang kuat terbukti meningkatkan keutuhan peribadi Muslim sejak kecil (Suleiman, 2021).

Pengaruh budaya global dan media sosial memberi cabaran besar kepada pembentukan peribadi Muslim. Namun, pengukuhan pendidikan agama dan bimbingan etika dapat mengurangkan kesan negatif tersebut dan mengekalkan jati diri Muslim (Rahman & Hassan, 2018). Sehubungan itu Sholihul Anwar et al. (2024) menekankan pendekatan pendidikan karakter berdasarkan tauhid untuk menghadapi era teknologi; terasnya termasuk penanaman integriti, empati, kejujuran, dan tanggungjawab melaui pemahaman 'Abd Allah, tawakkal, dan keadilan. Ini diimplementasikan melalui muhabah tradisi akhlak seperti moral habituasi dan usaha rohani.

©Authors, 2026

2.3 Kajian tentang era digital

Perkembangan teknologi digital menyebabkan wujudnya media sosial di dalam dunia siber. Medium ini juga merupakan salah satu bentuk interaksi yang baharu dalam kehidupan masyarakat kerana boleh berhubung tanpa perlu bersemuka dan berada di dunia maya. Media sosial juga dapat memudahkan segala urusan masyarakat sama ada urusan peribadi mahupun urusan pekerjaan. (Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi, 2023) . Bukan sekadar itu malahan media sosial menjadi wadah untuk menyuarakan sebarang pandangan dan pendapat serta perkongsian sebarang idea pada masa kini (Mohd Mokhtarishah Mohamed Mokhtar dan Hasmadi Hj. Hassan, 2021).

Faktor penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat adalah didorong oleh faktor rangkaian sosial yang luas, komunikasi dan interaksi, perkongsian dan pencarian maklumat serta hiburan. Walaubagaimanapun, kewujudannnya juga mampu memberi ancaman kepada masyarakat sekiranya disalahgunakan seperti jenayah siber, provokasi, fitnah dan sebagainya Malahan ia turut memberi impak samaada positif mahupun negatif. Imapak positif antaranya dapat merapatkan penglibatan rakyat dengan kerajaan, menjadi medium penyampaian dakwah, perkongsian maklumat dan medium pembelajaran. Manakala impak negatif pula menunjukkan wujudnya masalah perkembangan fizikal, keruntuhan akhlak dan akidah serta ancaman jenayah siber. Oleh itu, kawalan kerajaan dan peranan individu dalam menggunakan media sosial ini perlu diperkukuhkan bagi meminimumkan ancaman terhadap keselamatan peribadi dan keselamatan negara (Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi, 2023).

Sementara dalam konteks pelajar, corak penggunaan media sosial dilihat lebih tertumpu kepada komunikasi, pembelajaran dan hiburan. Namun tidak dinafikan terdapat juga kebimbangan mengenai ketagihan dan kesan terhadap prestasi akademik. Ini kerana penglibatan berlebihan dengan media sosial bukan sahaja boleh memberi kesan negatif terhadap prestasi akademik tetapi turut menjejaskan kesihatan mental pelajar (Nurul Fatin Najihah Zulkifli & Muhammad Zaiamri Zainal Abidin, 2023). Tidak kurangnya juga dengan penggunaan media sosial dalam kalangan remaja daripada kumpulan B40 di Lembah Klang. Golongan ini turut menggunakan media sosial platform untuk interaksi sosial dan hiburan yang menimbulkan kebimbangan mengenai pendedahan kepada kandungan negatif dan keselamatan dalam talian (Shahrul Nazmi Sannusi, Fauziah Ibrahim, Azianura Hani Shaari, Nasrudin Subhi, 2019).

Dari satu sudut yang lain media sosial juga turut digunakan sebagai alat untuk mendapatkan sokongan politik di Malaysia. Platform seperti Facebook dan Twitter dilihat memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat politik dan memobilisasi sokongan, terutamanya dalam kalangan belia. Ini sedikit sebanyak menunjukkan bahawa masyarakat pada hari ini sangat prihatin dengan apa yang dipaparkan di media sosial berkenaan perkara-perkara yang melibatkan politik semasa. Oleh itu, pemantauan terhadap maklumat politik yang dikongsikan di media sosial perlu dilakukan bagi memastikan maklumat tersebut bebas dari unsur hasutan yang boleh memecah belahkan perpaduan (Ali Salman, Mohammad Agus Yusoff, Mohd Azul Mohamad Salleh & Mohd Yusof Hj Abdullah, 2018).

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa perbincangan mengenai peranan sifat *al-haya'* perlu untuk terus dikaji dan didalami agar masyarakat kini dapat menjadi pengguna digital yang beretika. Sehubungan itu kajian ini dilihat penting dan ianya masih berbeza dari kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Ini kerana fokus kajian adalah terhadap peranan sifat al-haya' terhadap pembentukan peribadi Muslim era digital.

©Authors, 2025

3. METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini merupakan kajian yang bersifat kualitatif iaitu kajian yang cenderung kepada penganalisaan dokumen. Ia merupakan sebuah penyelidikan yang menghasilkan dapatan kajian tanpa melalui prosedur statistik atau bentuk pengiraan. Kajian yang bersifat kualitatif dilihat amat bertepatan dengan kajian ini yang memberi tumpuan terhadap teks al-Hadith. Metode pengumpulan data dan analisis data digunakan bagi memastikan data yang diterima adalah tepat dan bersesuaian dengan objektif kajian. Dalam usaha untuk mengumpulkan data-data dan maklumat-maklumat bagi mencapai objektif kajian ini, penulis telah memilih metode dokumentasi kerana antara sumber utama kajian adalah diperolehi melalui dokumen. Sehubungan itu teks-teks al-Hadith yang berkait dengan sifat *al-haya'* telah dikenalpasti. Dalam usaha untuk menganalisis data pula, penulis menggunakan rekabentuk analisis kandungan yang merupakan metode paling popular dalam penyelidikan bidang pengajian Islam (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali,2018). Analisis kandungan merupakan salah satu bentuk analisis yang bersesuaian untuk menganalisis dokumen kerana ia merupakan satu prosedur yang bersifat sistematik untuk menjelaskan sesuatu kandungan dokumen (Othman Lebar, 2021). Oleh demikian dalam kajian ini penulis telah memilih beberapa teks al-Hadith yang menekankan sifat al-haya' dan hubungannya dengan pembentukan peribadi muslim. Bagi memastikan analisis yang dilakukan lebih bersifat kritikal menepati ciri sebuah kajian ilmiah, penulis turut mengggunakan pendekatan deduktif dan induktif. Pendekatan deduktif adalah satu cara untuk menganalisis data-data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat umum untuk mencapai dalil-dalil yang bersifat khusus (Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali,2018). Sementara metode induktif bermaksud satu pola berfikir untuk membuktikan hal-hal yang bersifat khusus kepada hal-hal yang bersifat umum (Idris Awang, 2001). Selain itu ia juga merupakan suatu proses yang logik bagi memberikan penjelasan yang umum berdasarkan pemerhatian yang spesifik.

4. HASIL DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kebelakangan ini, dapat dilihat bahawa sifat *al-haya'* atau sifat malu semakin terhakis dalam kalangan pengguna digital. Semakin ramai individu tanpa rasa segan mendedahkan keaiban diri, berkelakuan biadab, dan melakukan promosi murahan semata-mata untuk meraih perhatian serta popularity di media sosial. Perkara ini bukan sahaja mencemarkan maruah diri, bahkan turut memberi kesan buruk terhadap nilai etika masyarakat serta menormalisasikan kelakuan tidak bermoral di ruang awam. Budaya mengejar "trend" di media sosial sering kali menyebabkan seseorang tanpa sedar membuka aib sendiri. Sebagai contoh, suatu ketika dahulu, wujudnya trend "unboxing pengantin" yang sebenarnya secara tidak langsung mendedahkan perkara yang sepatutnya kekal peribadi kepada umum. Begitu juga dengan kandungan yang berkongsi kisah silam peribadi, termasuk berkaitan ibu bapa atau keluarga sendiri, seolah-olah membuka aib mereka dengan bangga – sedangkan tindakan sebegini jelas dilarang dalam Islam. Lebih membimbangkan, terdapat juga kandungan digital yang memperlihatkan perlakuan tidak sopan seperti maki hamun, tarian yang mendedahkan aurat, adegan lucah, dan pelbagai lagi perbuatan yang melanggar batas agama dan moral. Lebih mengecewakan, kandungan yang menjatuhkan nilai malu ini turut digunakan sebagai alat pemasaran untuk meraih keuntungan. Misalnya, terdapat pihak yang tanpa rasa bersalah menggunakan simbolik berunsur lucah, khususnya melibatkan tubuh wanita, sebagai strategi promosi mereka. Fenomena ini tidak boleh dibiarkan berterusan kerana ia bukan sahaja merosakkan sifat *al-haya'* dalam diri seseorang, tetapi juga mencerminkan tahap keimanan dan akhlaknya. Hakikatnya, sifat *al-haya'* amat berkait rapat dengan akidah serta keimanan seseorang. Oleh itu, *al-haya'* memainkan peranan penting dalam membentuk

©Authors, 2026

keperibadian seorang Muslim, terutamanya dalam era digital masa kini. Berikut merupakan empat peranan utama sifat *al-haya'* dalam pembentukan peribadi Muslim era digital:



Gambarajah 1.0 Peranan sifat al-haya' terhadap pembentukan peribadi Muslim era digital

4.1 Sifat *al-haya'* sebagai asas keimanan

Hakikatnya sifat malu ini boleh dikategorikan kepada tiga jenis, iaitu *al-haya'* kepada Allah yang merupakan *al-haya'* yang hakiki, *al-haya'* kepada diri sendiri dan *al-haya'* kepada orang lain atau *al-haya'* sesama manusia. Orang akan malu kepada Allah jika dia tidak dapat melaksanakan perintah-Nya dan tidak dapat menjauhi larangan-Nya, sikap *al-haya'* seperti ini lah yang merupakan kunci kejayaan seoarang yang beriman untuk mencapai tingkat taqwa. Berbekalkan sifat malu seseorang akan berusaha supaya dapat tergolong dalam golongan yang bertaqwa (Siti Solehah Azhar & Suriani Sudi, 2018).

Orang yang bersifat *al-haya'* kepada Allah pasti akan malu terhadap dirinya sendiri. *Al-haya'* terhadap diri bererti dia akan berusaha mengendalikan nafsunya dari keinginan-keinginan yang tidak baik. Orang yang *al-haya'* kepada Allah dan kepada dirinya sendiri pasti akan malu juga kepada orang lain. Dengan *al-haya'* ini ia akan terpelihara dalam semua perilakunya. Sikap *al-haya'* juga merupakan kesan dari iman seseorang. *Al-haya'* dan iman mempunyai hubungan yang sangat kuat. Semakin kuat keimanan seseorang, maka akan semakin kuatlah juga rasa *al-haya'*nya, demikian juga sebaliknya. Kerana itulah, Nabi ﷺ menjadikan *al-haya'* sebagai salah satu bahagian dari iman (Siti Solehah Azhar & Suriani Sudi, 2018).

Justeru sifat *al-haya'* merupakan salah satu sifat terpuji yang perlu dimiliki oleh setiap muslim dan ia merupakan sebahagian daripada iman seperti sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud:

©Authors, 2025

Dari Abdullah bin Umar RA, dia berkata, Nabi ﷺ melewati seorang laki-laki yang sedang menasihati saudaranya tentang malu dan dia menasihati saudaranya agar tidak malu. Maka Rasulullah ﷺ bersabda, 'Biarkan dia, sesesungguhnya malu adalah sebahagian dari iman (Bukhari. *Sahih Bukhari*. Kitab Iman. Bab Al-Haya' min al-Iman. No.hadis 24).

Hadith ini dilihat penting untuk ditekankan dalam masyarakat khususnya kepada pengguna media sosial masa kini. Moga dengan penekanan terhadap hadith ini dapat menimbulkan kesedaran tentang pentingnya memiliki sifat malu kepada Allah SWT, malu kepada diri sendiri dan malu kepada orang lain sekaligus mengawal diri dari melakukan perkara-perkara yang tidak beretika di media sosial.

Sesungguhnya sifat malu dan keimanan itu saling berkait antara satu sama lain tambahan ia merupakan cabang daripada keimanan seperti sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud:

Daripada Abu Hurairah beliau berkata, Rasulullah ﷺ bersabda: Iman memiliki tujuh puluh atau enam puluh cabang lebih. Yang tertinggi adalah ucapan la ilaha illallah dan yang terendah adalah menyingkirkan gangguan dari jalan. Dan rasa malu itu salah satu cabang dari keimanan. (al-Bukhari. 1986. *Sahih Bukhari.* Kitab *al-Iman*. Bab *al-Umur al-Iman*. no hadith 9)

Jelas bahawa sifat malu adalah cabang daripada keimanan. Iman yang terpelihara menjadi jaminan kepada keredhaan Allah SWT kepada hamba-Nya disamping menjadi pembimbing kepada pembentukan tingkah laku seseorang. Hakikatnya rasa malu yang positif boleh menjadi pendorong kepada seseorang untuk melakukan perbuatan yang baik dan boleh menjadi faktor pencegah dari melakukan sesuatu perbuatan yang buruk. Ini kerana sifat malu berfungsi mengawal dan mengendalikan seseorang dari segala sikap dan perbuatan yang dilarang oleh agama. Orang yang memiliki rasa malu terhadap Allah SWT tidak akan melanggar suruhan agama (Nur Anis Hanani Mohd Talib, Latifah Abdul Majid & Nurliyana Mohd Talib, 2019).

Hal ini perlu diberi penekanan agar ianya disedari oleh pengguna media sosial agar setiap muslim dapat menjadi pengguna media sosial yang diredhai Allah SWT. Pengguna media sosial yang beriman sepatutnya memiliki sifat *al-Haya'* dalam diri mereka kerana sifat ini menjadi faktor pendorong untuk melakukan kebaikan dan menjauhi mereka dari melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SWT.

4.2 Sifat *al-haya'* sebagai pelindung akhlak

Menurut Imam Nawawi dalam syarah Hadith 40 malu ialah perasaan yang mendesak seseorang supaya menghindarkan segala yang keji dan melaksanakan segala apa yang terpuji. Sumbernya adalah dari hati atau jiwa yang sedar nilai diri yang percaya kepada pengawasan Ilahi atas gerak geri yang menyebabkan terpelihara Zahir dan batin dari segala perbuatan dan unsur-unsur (anasir-anasir) yang membawa kepada kemurkaan Allah SWT (Mustafa 'Abdul Rahman, 2001).

Hakikatnya sifat malu yang dimiliki dalam diri berperanan penting sebagai benteng dalam mencegah kemungkaran atau kemkasiatan seperti sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud:

Abu Mas'ud menceritakan kepada kami dia berkata, Nabi ﷺ bersabda, Sesungguhnya di antara perkara yang didapatkan manusia dari perkataan kenabian pertama, jika engkau tidak malu, maka lakukan sesukamu (Bukhari. *Sahih Bukhari*. Kitab Adab. Bab Idza Lam Tastahyi Fasna' Ma Syi'ta. No.hadis 5769).

Berdasarkan hadith di atas didapati kata perintah iaitu "kerjakanlah apa yang engkau kehendaki" boleh merujuk kepada dua pengertian. Pertama merujuk kepada perintah itu adalah satu ancaman bukan suruhan

©Authors, 2026

yang bererti jika engkau tidak malum aka kerjakanlah apa sahaja engkau kehendaki dan Allah akan membalas engkau. Hal ini selari dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Fussilat ayat 40. Kedua perintah tersebut adalah perintah suruhan yang bererti jika perbuatan yang engkau hendak kerjakan itu tidak memalukan sesiapa pun juga sama ada bagi diri engkau sendiri dan bagi Allah, mahupun bagi manusia kerana perbuautan itu ketaatan atau akhlak yang baik maka hendaklah engkau kerjakan daripada apa yang engkau kehendaki. (Mustafa 'Abdul Rahman, 2001)

Hadith ini dilihat penting untuk difahami dan diberi pendedahan kepada para pengguna media sosial. Berbekalkan kesedaran ini pengguna media sosial dalam kalangan muslim dapat mengawal tindak tanduk sekaligus menghindarkan diri daripada fenomena-fenomena negatif seperti yang dibincangkan tadi. Sesungguhnya diri yang dihiasi dengan sifat malu mencerminkan keimanan yang diletakkan kepada Allah SWT. Bukan sekadar itu malahan akan membuahkan peribadi mulia sekaligus menyumbang kepada kesejahteraan sosial dalam kehidupan bermasyarakat.

4.3 Sifat *al-haya'* sebagai pengawal komunikasi

Selain menjadi penanda aras iman, sifat *al-haya'* juga berperanan sebagai pengawal terhadap ucapan dan tutur kata seseorang. Hal ini sekaligus menunjukkan kematangan akidah seseorang. Di era digital kini dapat disaksikan tutur kata yang keji, kasar dan tidak beradab semakin berleluasa tanpa sebarang sekatan. Sedangkan pengguna Muslim seharusnya menjaga adab pertuturan sebagai cerminan iman seperti sabda Rasulullah ﷺ yang bermaksud:

"Barangsiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, mkaa hendaklah dia berkata yang baik" (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, no. 6019)

Hadis ini menekankan bahawa keimanan yang utuh mendorong seseorang menjaga lidahnya daripada mengeluarkan kata-kata yang menyakitkan atau tidak bermanfaat (al-Bukhari, 1986). Dalam konteks media sosial hari ini, ramai pengguna tanpa segan silu menghamburkan kata-kata kesat, jenaka lucah, dan fitnah demi perhatian dan pengaruh maya (Nurul Fatin Najihah & Muhammad Zaiamri, 2023). Malah, budaya sarkasme dan sindiran pedas dianggap wajar dalam komunikasi digital, sedangkan ia mencerminkan kerapuhan iman dan hilangnya *al-haya'* dalam diri (Siti Solehah & Suriani, 2018). Justeru, penanaman rasa malu kepada Allah SWT dan sesama manusia mampu menjadi benteng yang mengawal komunikasi agar kekal beretika dan terarah pada nilai iman (Nur Anis Hanani et al., 2019).

Hadis ini menunjukkan bahawa berkata baik atau diam adalah pilihan mukmin sejati (al-Bukhari, 1986). Dalam ruang media sosial, yang memberi ilusi keberanian tanpa identiti sebenar, ramai individu hilang kepekaan terhadap kesan ucapan mereka ke atas maruah orang lain (Nurul Fatin Najihah & Muhammad Zaiamri, 2023). Rasa malu yang lahir daripada kesedaran bahawa Allah Maha Mengetahui boleh mendorong pengguna bermuhasabah sebelum berbicara (Siti Solehah & Suriani, 2018). Maka, penghayatan hadis ini menjadi asas penting dalam menyemai komunikasi sihat dan beradab dalam ekosistem digital yang semakin mencabar (Nur Anis Hanani et al., 2019).

©Authors, 2025

4.4 Sifat *al-haya'* sebagai pemangkin kerohanian

Sifat malu kepada Allah SWT ialah pencetus pertama kepada proses taubat yang tulus, manakala rasa malu kepada manusia mencegah seseorang daripada terus mengulangi kesalahan secara terbuka (al-Tirmidhi, 2007). Di era digital kini, ramai yang meremehkan aib diri sendiri dan orang lain tanpa sedikit pun rasa insaf, seolah-olah keterbukaan itu satu bentuk keberanian (Mohd Mokhtarishah & Hasmadi, 2021). Sifat *al-haya'* dalam akidah Islam berperanan memupuk kesedaran bahawa setiap perbuatan diperhatikan dan dihisab oleh Allah, lalu mendorong kepada perubahan tingkah laku dan pemulihan spiritual (Siti Solehah & Suriani, 2018).

Hakikatnya kehidupan manusia tidak terlepas daripada melakukan kesilapan, namun sifat malu menjadi pemangkin kepada kesedaran untuk bermuhasabah dan kembali menuju kepada Allah SWT. Rasa malu terhadap dosa yang dilakukan membuka ruang kepada taubat yang tulus serta pembaikan diri secara berterusan**.**

"Setiap anak Adam melakukan kesalahan dan sebaik-baik orang yang melakukan kesalahan ialah mereka yang bertaubat" (al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, no. 2499)

Hadis ini menggariskan bahawa kesalahan adalah lumrah manusia, namun sifat malu terhadap dosa menjadi pemangkin utama kepada taubat (al-Tirmidhi, 2007). Dalam era digital, sifat malu semakin pudar apabila pengguna media sosial dengan bangga mendedahkan dosa peribadi atau kesilapan lalu atas nama "jujur" dan "telus" (Mohd Mokhtarishah & Hasmadi, 2021). Tanpa *al-haya'*, proses muhasabah sukar berlaku kerana hati tidak lagi terusik dengan rasa bersalah (Siti Solehah & Suriani, 2018). Oleh itu, akidah Islam yang menekankan taubat sebagai proses kesedaran dan penyucian hati amat penting dalam menangani budaya normalisasi dosa dalam ruang maya (Nur Anis Hanani et al., 2019). Justeru, penghayatan hadis ini perlu disemai dalam membentuk keperibadian Muslim era digital.

5. KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa sifat al-haya' sangat penting untuk dimiliki dalam diri setiap muslim dan berperanan penting dalam mengawal tingkah laku pengguna digital. Tambahan dalam konteks kini yang terpaksa berhadapan dengan sifat keterbukaan di era digital. Hasil kajian menemui empat peranan utama sifat *al-haya'* terhadap pembentukan peribadi Muslim era digital. Pertama sifat al-haya' berperanan sebagai asas keimanan, kedua berperanan sebagai pelindung akhlak, ketiga pengawal komunikasi dan keempat pemangkin kerohanian. Keempat-empat pernan ini dilihat penting dalam membentuk keperibadian Muslim di era digital sekaligus dapat melahirkan penguna digital yang beretika. Secara tidak langsung dapat mengatasi permasalahan keruntuhan etika yang berlaku dalam kalangan pengguna digital masa kini. Justeru tidak dapat dinafikan lagi pentingnya menanam sifat malu dalam setiap diri individu Muslim sekaligus bagi melahirkan masyarakat yang Sejahtera memenuhi hasrat gagasan Malaysia Madani.

6. PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka kerana membiayai penyelidikan ini menerusi Geran Teja, No. Fail: GDT2025/1-2.

©Authors, 2026

7. RUJUKAN

Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam (Bangi: Penerbit UKM Press, 2014).

Ahmad Zaki Mohd Yusof. (2018). *Konsep Malu dalam Islam dan Implikasinya terhadap Pembentukan Akhlak Remaja Muslim di Malaysia.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ali Salman, Mohammad Agus Yusoff, Mohd Azul Mohamad Salleh & Mohd Yusof Hj Abdullah. (2018). Pengunaan Media Sosial Untuk Sokongan Politik Di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies Vol 3(1)* , 51-63.

Abdullah, A. (2019). Qur'anic values and Muslim personality development.

Ibrahim, N., & Ab Rahman, M. (2020). Islamic education and personality formation.

Idris Awang, Kaedah Penyelidikan: Satu Sorotan. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,2001).

Mohd Khairul Naim Che Nordin. (2020, September 25). *Budayakan rasa malu dalam media sosial.* Retrieved from Utusan Malaysia: https://www.utusan.com.my/gaya/2020/09/budayakan-rasa-malu-dalam-media-sosial/#google_vignette

Mohd Mokhtarishah Mohamed Mokhtar dan Hasmadi Hj. Hassan. (2021). Pengaruh Faktor Persepsi Negatif dan Budaya Tular Terhadap Buli Siber di Media Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Golongan Muda. . *International Journal of Human Technology and Civilization Issue 11 Vol 1*, 16-36.

Muhammad Adil Fikri Mohd Hamizi. (2023). Penggunaan Media Sosial Sebagai Media Baharu dan Impaknya Terhadap Masyarakat Malaysia. *Jurnal Perspektif Jil. 15 Special Issue*, 24-37.

Mustafa 'Abdul Rahman. (2001). *Hadith 40 terjemahan dan syarahnya.* Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.

Norazlina Hj. Mohd Kiram & Nik Farhan Mustapha. (2013). Persepsi Pelajar Melayu Terhadap Sifat dan Konsep Malu Orang. *Jurnal Linguistik Vol. 17(1)*, 39-48.

Nor Syariza Muhamad Tahir. (2026, April 21). *Generasi 'content' tak tahu malu.* Retrieved from Kosmo: https://www.kosmo.com.my/2026/04/21/generasi-content-tak-tahu-malu/

Nur Anis Hanani Mohd Talib, Latifah Abdul Majid & Nurliyana Mohd Talib. (2019). Relevansi Sifat al-Haya' dalam Pemantapan Akhlak Generasi Z. *Jurnal al-Turath; Vol. 4, No.1*, 8-14.

Nurul Fatin Najihah Zulkifli & Muhammad Zaiamri Zainal Abidin. (2023). Exploring Social Media Addiction among . *Forum Komunikasi*, 120-146.

Othman Lebar. (2021). Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode Edisi Kedua. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Rahman, F., & Hassan, A. (2018). Globalization and challenges in Muslim identity formation.

Shahrul Nazmi Sannusi, Fauziah Ibrahim, Azianura Hani Shaari, Nasrudin Subhi. (2019). Penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40 di sekitar Lembah. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication Vol 35 Issue 4*, 101-118.

Sholihul Anwar, S., Siti Rosyidah, & Sukisno. (2024). *Development of Islamic Personality in the Digital Era with a Monotheism-Based Character Education Model*. *Jurnal Pedagogy*, 17(2), 189–198.

©Authors, 2025

Siti Solehah Azhar & Suriani Sudi. (2018). Konsep Al-Haya' Menurut Perspektif Sunnah. *Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (THIQAH 2018)*, (pp. 431-440). Bangi Selangor.

Suleiman, R. (2021). Family role in shaping Muslim character.

Zarina Muhammad, Akmaliza Abdullah & Ratna Roshida Ab Razak. (2019). Sifat Malu Dalam Kerangka Akhlak Melayu. *Jurnal Hadhari 11(2)*, 231-244.

©Authors, 2026